

## Penyertaan Masyarakat di Zon Timur (Kelantan) Dalam Pilihanraya 1999\*

Oleh  
Rohani Hj. Ab. Ghani  
Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan  
Universiti Utara Malaysia  
Emel: [rag1162@uum.edu.my](mailto:rag1162@uum.edu.my)



### SINOPSIS

*Pilihanraya 1999 disifatkan oleh ramai penganalisis politik sebagai sangat penting berdasarkan kepada beberapa senario semasa tanahair pada masa itu. Kertas kerja ini menumpukan perbincangan mengenai tahap penyertaan masyarakat di Kelantan dalam pilihanraya tersebut. Responden terdiri daripada individu yang layak mengundi iaitu yang berusia 21 tahun ke atas. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti masyarakat pengundi di Kelantan lebih cenderung untuk terlibat dalam parti hanya sebagai ahli biasa dan bertindak sebagai pendengar ceramah politik sahaja. Hanya sebilangan kecil dari mereka merupakan kumpulan tegar dan kebanyakannya terdiri daripada individu yang memegang jawatan dalam parti. Kempen merupakan strategi yang paling berjaya menarik para pengundi. Penemuan penting yang lain dalam kajian ini juga menunjukkan tren pengundian dipengaruhi oleh para pengundi muda. Manakala faktor yang paling mempengaruhi pengundian di Kelantan ialah ketokohan calon dan dasar parti. Beberapa isu yang saling berkaitan yang turut mempengaruhi pengundian ialah isu agama dan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.*

### Pengenalan

Kelantan merupakan negeri yang sentiasa menjadi tumpuan setiap kali pilihanraya di adakan. Ini kerana sejarah politik negeri itu menunjukkan bahawa persaingan yang hebat antara parti pembangkang iaitu Pas dan BN dalam menguasai negeri itu dalam setiap pilihanraya. Sepanjang sejarah pilihanraya di negara kita menunjukkan bahawa kedua-dua parti ini berjaya menguasai Kelantan secara silih berganti. Ia juga secara langsung memperlihatkan persaingan yang sengit antara kedua-dua buah parti dalam persaingan untuk menguasai negeri ini. Bilangan pemilih bagi negeri Kelantan pada tahun 1998 ialah seramai 649,369 orang. Dalam pilihanraya 1999 sebanyak 14 kerusi Parlimen dan 43 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan. Sebanyak 5 parti yang bertanding iaitu BN, Pas, Keadilan, Berjasa dan AKIM. Walau bagaimanapun kebanyakan kawasan memperlihatkan pertandingan satu lawan satu iaitu antara BN dan Pas.

---

\*Kertas kerja ini dibentangkan dalam "Bengkel Pilihanraya Umum 1999" di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET), Bangi anjuran Universiti Utara Malaysia pada 19 Februari 2004.

Keputusan pilihanraya 1999 menunjukkan Pas telah berjaya mengekalkan rekod kemenangannya dan sekaligus telah menghancurkan peluang BN untuk menguasai Kelantan. Dalam pilihanraya tersebut BN hanya memenangi 2 kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu di Paloh (N42) dan Galas (N43) dan 1 kerusi Parlimen iaitu Gua Musang (P32). Jadual 1 menunjukkan pencapaian parti-parti yang bertanding.

**Jadual 1: Jumlah Kerusi yang Dimenangi oleh Parti-Parti yang Bertanding Dalam Pilihanraya 1999**

Kawasan/Parti	BN	PAS	KEADILAN	Jumlah
Parlimen	1	10	3	14
DUN	2	41	-	43

### LatarBelakang Kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah kawasan Parlimen iaitu Jeli, Pengkalan Chepa dan Gua Musang. Justifikasi pemilihan kawasan kajian diasaskan kepada sejarah penguasaan parti-parti politik di kawasan tersebut dalam pilihanraya-pilihanraya sebelumnya. Sehubungan dengan itu kawasan Jeli dikategorikan sebagai kawasan “putih”, yang bermaksud peluang untuk BN adalah cerah, Gua Musang sebagai “kelabu” dengan peluang penguasaan oleh BN adalah 50-50 dan Pengkalan Chepa sebagai “hitam” yang merupakan kawasan kubu kuat Pas dan kebarangkalian untuk kerajaan memenangi kawasan itu adalah sangat sukar. Pemilihan kawasan kajian ditunjukkan oleh jadual 2.


**Jadual 2: Pecahan Sampel Mengikut Kawasan Parlimen**

Kawasan	Mukim/Kampung/Bandar	Jumlah Responden
Jeli (P30) -“Putih”	1. Kg. Gemang 2. Kg. Lakota 3. Pekan Jeli	300
Gua Musang (P32)-“Kelabu”	1. Ladang Serasa 2. Jeram Tekoh 3. Bandar Gua Musang	300
Pengkalan Chepa (P20)-“Hitam”	1. Kg. Pulau Melaka 2. Kg. Kemumim 3. Bandar Pengkalan Chepa	300
Jumlah Responden		900

Kajian ini menjangkakan sejumlah 900 orang responden namun hanya 354 orang sahaja yang melibatkan diri. 59.7% adalah lelaki dan 40.3% adalah wanita. Responden terdiri dari kakitangan kerajaan iaitu 37.0%, bekerja sendiri (24.4%) pekerja swasta (20.75%) dan selebihnya ialah pelajar. Dari segi tahap umur pula majoriti responden berumur di antara 26-35 tahun. Keseluruhan dari responden yang menyertai kajian ini adalah berbangsa Melayu (96.3%) manakala jumlah responden Cina pula ialah 2.6% dan lain-lain seramai 1.1%.


### Tahap Penyertaan

Pada umumnya penyertaan responden yang paling besar ialah sebagai pengundi iaitu sebanyak 81% manakala penyertaan kedua terbesar ialah secara melibatkan diri dalam kempen-kempen dan mendengar ceramah. Sebahagian besar dari mereka mendaftarkan diri sebagai ahli parti politik yang merupakan aras komitmen yang minimum yang mampu ditunjukkan sebagai sokongan terhadap parti mereka. Namun demikian mereka tidak begitu cenderung untuk terlibat dengan lebih serius untuk memegang jawatan dalam politik ataupun bertanding sebagai calon sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 1.



Menurut Downs (1975), selain dari beban tanggungjawab yang cukup mencabar, peruntukan masa dan jumlah kewangan yang besar menjadi halangan utama kepada faktor kurangnya penglibatan masyarakat. Walau bagaimanapun, faktor minat, bakat serta dorongan sekeliling juga turut menjadi penentu dalam perkara ini (Downing, 1991).

Walau bagaimanapun, dari segi kesedaran politik, kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan mempunyai kesedaran politik yang agak tinggi. Kebanyakan dari mereka mempunyai pengetahuan terhadap jumlah ahli Dewan Rakyat (DR) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu sebanyak 77.0% dan 75.4%. Sementara itu pengetahuan mengenai Perdana Menteri (PM) dan juga Menteri Besar (MB) adalah tinggi iaitu sebanyak 84.6% sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 2. Namun pengetahuan mengenai jumlah Dewan Undangan Negeri (J.DUN) dan Dewan Rakyat (J.DR) adalah rendah.




Senario yang ditunjukkan bertepatan dengan penemuan kajian Milbrath (1965) dan Zuckerman (1991) yang menunjukkan bahawa masyarakat lebih cenderung sebagai pengundi dan berbincang mengenai politik tetapi tidak serius dalam memikirkan untuk memegang jawatan dalam politik. Keadaan ini boleh disifatkan sebagai mereka berada di paras yang *apathetics* iaitu melibatkan diri secara pasif (Che Su Mustafa dan Rohana Yusof, 1996).

Kesedaran politik yang tinggi ini juga boleh dijadikan penyebab kepada kecenderungan mereka untuk terlibat dalam politik terutama dari segi kehadiran untuk mendengar

ceramah juga kempen-kempen politik (Catt, 1991). Namun begitu ia bukan bermakna mereka aktif dalam politik. Lain-lain penglibatan yang lebih besar seperti memegang jawatan politik ataupun bertanding sebagai calon tidak begitu disertai oleh masyarakat. Secara umumnya, kontribusi masyarakat yang paling besar ialah hanya sebagai pengundi sahaja. Sehubungan dengan ini, menurut Conway (1985) amat sedikit dari ahli masyarakat yang terlibat dalam kempen atau memperuntukkan masa serta wang untuk parti mereka.

Jika dilihat dari jangkaan umum atau persepsi responden terhadap parti yang layak memerintah negeri (Kelantan) dan negara (Malaysia). Dapatan menunjukkan terdapat



perbezaan kecil di kalangan responden iaitu 19.9% bersetuju bahawa BN layak memerintah Kelantan dan 33.9% layak memerintah Malaysia, manakala 17.4% bersetuju bahawa Pas layak memerintah Kelantan dan 27.7% layak memerintah Malaysia. Walaupun begitu pada umumnya ia memperlihatkan gambaran yang sedikit positif terhadap kemungkinan BN akan kembali menguasai Kelantan sebagaimana yang ditunjukkan oleh rajah 3.

Petunjuk di atas boleh dikaitkan dengan pendapat dan keyakinan yang telah diutarakan oleh Hassan Harun iaitu seorang tokoh koporat Kelantan. Beliau optimis tentang peluang BN untuk kembali menguasai Kelantan pada pilihanraya 1999. Andaian tersebut adalah


berdasarkan undi popular yang telah diperolehi dalam pilihanraya 1995 di tiga kawasan Parlimen di negeri itu iaitu di Bachok, Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa yang memperlihatkan perbezaan undi yang sedikit sahaja dan berikutan dengan pembubaran Semangat 46 serta pecahnya pakatan S46 dan Pas maka Umno hanya memerlukan pertambahan 10% sahaja untuk menang sedangkan Pas memerlukan sebanyak 25% undi untuk mempertahankan kedudukannya (Hassan Harun, 1999).

Namun peratusan di atas juga secara langsung menunjukkan persaingan yang sengit yang bakal berlangsung dalam pilihanraya akan datang di antara parti-parti utama iaitu Pas dan BN. Hasil dari temubual penyelidikan dengan kumpulan gerak gempur Umno, mereka mengakui peluang BN adalah 50-50 tetapi jalan yang perlu dilalui adalah sukar. Manakala di kalangan petugas-petugas Pas mereka yakin bahawa parti mereka akan memenangi pilihanraya di peringkat negeri tetapi tidak pasti di peringkat pusat.

#### **Faktor-Faktor Yang Mendorong Penglibatan Dalam Politik**


Kajian ini juga turut meneliti mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada penglibatan masyarakat dalam politik. Keputusan menunjukkan bahawa faktor parti merupakan penyumbang yang paling besar iaitu 41.0% dalam mendorong penglibatan masyarakat negeri Kelantan dalam politik. Manakala faktor kedua terbesar ialah agama iaitu 23%. Untuk keterangan lanjut sila lihat rajah 4.

Minat masyarakat terhadap politik boleh dikaitkan dengan penemuan oleh Nie dan Verba (1975) yang mendapati bahawa antara tiga asas orientasi yang menyebabkan wujud kecenderungan tersebut iaitu secara psikologi, cenderung untuk menjadi penjana kepada perkembangan parti. Selain dari itu individu juga mempunyai kesedaran untuk menyumbangkan tenaga mereka kepada masyarakat melalui saluran politik.




Dari segi tujuan pengundian, kajian mendapati 24% para pengundi bersetuju bahawa mereka keluar mengundi untuk memilih kerajaan, 21% memilih wakil ke Parlimen, 17% demi kepentingan parti dan kesedaran tentang kepentingan mengundi sebanyak 17%.

Fenomena ini boleh dikaitkan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Goldthorpe dan Lockwood (1968) yang menyatakan bahawa penglibatan masyarakat dalam politik didorong oleh beberapa faktor untuk terus berhubung dengan kerajaan atau pihak pemerintah untuk memastikan kepentingan mereka terus terjaga. Pandangan ini sangat bersesuaian dengan penemuan kajian ini yang mendapati bahawa sebahagian besar dari responden menyatakan tujuan pengundian mereka ialah untuk memilih kerajaan yang mereka rasakan paling baik dan berkesan sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 5.



### Isu-Isu Utama Yang Mempengaruhi Pengundian

Isu yang paling mempengaruhi para pengundi di Kelantan ialah isu agama sebanyak 34.2% dan dasar-dasar kerajaan lebih menekankan isu-isu kestabilan negara sebanyak 15.7%. Rajah 6 menunjukkan bahawa beberapa elemen penting yang telah menjadi penentu kepada sokongan masyarakat terhadap sesebuah parti yang kemudiannya mempengaruhi pengundian. Jumlah ini boleh dikaitkan dengan pengaruh terhadap pengundian kepada Pas, parti itu telah berjaya menarik sokongan para pengundi dengan mengutarakan dasar parti yang berlandaskan Islam berbanding dengan BN.




Perjuangan Pas yang berlandaskan Islam dari segi teoritikalnya telah berjaya menarik sokongan masyarakat berbanding dengan parti-parti lain. Beberapa sarjana yang telah membuat kajian mengenai kekuatan ideologi Pas yang berakar umbi di kalangan rakyat Kelantan. Menurut Kassler (1970), Pas mendapat sokongan dari para petani dan golongan berpendidikan agama yang kuat. Keadaan ini semua merupakan garis yang mewujudkan politik Islam di Kelantan (Kassler; Roff, 1970). Kriteria agama dan adat dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu Kelantan akhirnya telah mewujudkan satu budaya politik dalam kerangka pemikiran mereka (Mokhzani, 1974). Walau bagaimanapun, faktor agama hanya sangat signifikan di negeri-negeri di bahagian utara Semenanjung dan juga



Terengganu dan Pahang. Manakala di kawasan-kawasan lain, isu-isu cabaran social dan pembangunan serta dasar negara lebih signifikan. Situasi ini hampir sama dengan yang berlaku di Britain yang menampakkan bahawa isu agama hanya signifikan di Wales dan utara Ireland sahaja (Blondel, 1963).

### Pengaruh Terhadap Pengundian

Agen yang paling berkesan dalam mempengaruhi pengundi ialah media massa. Ini kerana ia merupakan mekanisma yang sangat memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan maklumat semasa pilihanraya (Syed Arabi Idid, 1991). Kekuatan yang ada dalam media massa dalam mempengaruhi pengundi telah menyebabkan para politikus masing-masing berlumba-lumba menggunakan saluran komunikasi yang ada bagi melebarkan pengaruh mereka terutama dalam kempen pilihanraya. Dengan kata lain dalam arena politik, calon membelanjakan banyak wang untuk mendapat perkhidmatan pakar komunikasi dalam membentuk imej positif mereka di mata para pengundi (Riley, 1988).




Kajian menunjukkan bahawa media cetak yang paling mendapat kepercayaan di kalangan pengundi Kelantan ialah akhbar Berita Harian iaitu 44.5% diikuti oleh Utusan Malaysia

Namun demikian jika diperhatikan dari sudut peratusan responden yang tidak mempercayai maklumat yang disampaikan oleh akhbar adalah agak besar walaupun tidak melebihi jumlah mereka yang percayakan akhbar-akhbar yang tersenarai. Keadaan ini jelas menunjukkan wujud krisis kepercayaan masyarakat terhadap akhbar di negara kita sepanjang tempoh pilihanraya umum 1999. Perkara ini turut diberikan perhatian oleh Media CBS yang menyatakan bahawa persepsi masyarakat terhadap media tempatan arus perdana bersikap terlalu berat sebelah, dan kredibiliti mereka telah mula pudar dengan cepat (Media CBS, 1999). Perkara ini dapat diteliti dengan lebih jelas melalui Rajah 7. Sementara itu maklumat dari media elektronik yang paling dipercayai ialah yang disalurkan melalui radio (45.4%), RTM TV1 (44.0%) dan TV3 (43%).


Faktor calon juga merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi pengundian. Rajah 8 menunjukkan bahawa tarikan utama calon di kalangan para pengundi ialah ketokohan dan pegangan agama. Dalam membincangkan tentang pemilihan pengundi terhadap calon ia berkait rapat dengan karisma yang terdapat pada seseorang calon atau pemimpin tersebut. Karisma yang dicirikan oleh Weber antara lain berhubungan dengan persepsi pengikut terhadap pemimpin mereka. Pada pandangan mereka pemimpin tersebut mempunyai kebolehan, kuasa dan kualiti yang luar biasa (Kavanagh, 1990). Persepsi ini juga yang dianuti oleh kebanyakan pengikut Pas terhadap pemimpin mereka iaitu Nik Aziz yang menjadi teras utama kepada kekuatan Pas di Kelantan dan ini diakui oleh ramai penganalisis politik tempatan. Selain dari itu isu agama ini turut berkait dengan ketokohan calon terutamanya Menteri Besar Kelantan.

Sejarah politik di negeri ini menunjukkan bahawa calon yang menjadi pilihan pengundi ialah mereka yang merupakan pemimpin yang peka terhadap permasalahan setempat, mudah didekati dan sehati dengan alam sosial masyarakat di negeri itu. Perkembangan ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Verba (1965) yang menyatakan bahawa selain dari karisma, kedekatan seseorang pemimpin dengan masyarakat juga menjadi penentu kepada pemilihan mereka di kalangan penyokong. Dari temubual yang

dilakukan oleh penyelidik terhadap para pengundi tempatan, rata-rata dari mereka menyatakan pendirian untuk memilih calon yang mempunyai latarbelakang agama yang lebih baik. Menurut Ismail Yusof (1999), calon yang mampu menarik sokongan ialah mereka yang mempunyai kebolehan berinteraksi dengan masyarakat sesuai dengan alam sosial setempat.



Selain dari faktor calon, kempen juga memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi pengundi. Kempen penting bagi parti-parti politik untuk menyampaikan mesej mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa kempen yang berjaya menarik para




pengundi ialah ceramah 57.4%, di samping media (26.1%) dan poster sebanyak 3.4%. Rajah 9 menunjukkan perbezaan yang ketara antara jenis-jenis kempen dalam mempengaruhi masyarakat. Dari pemerhatian yang di buat sepanjang tempoh sepuluh hari sebelum hari membuang undi ternyata sekali kempen-kempen giat di ialankan oleh

parti-parti politik yang bertanding. Namun demikian secara perbandingannya, Pas dan Keadilan lebih berjaya menarik minat masyarakat setempat. Ini jelas dapat dilihat melalui jumlah mereka yang hadir dalam ceramah-ceramah yang diadakan. Antara beberapa perkara yang boleh dijustifikasi terhadap senario tersebut ialah Pas dan Keadilan mempunyai banyak isu menarik untuk dihebahkan kepada masyarakat berbanding dengan Umno.


Walau bagaimanapun jumlah kehadiran orang ramai dalam sesuatu majlis tidak boleh dijadikan ukuran untuk menentukan sokongan mereka terhadap sesebuah parti. Tambahan pula, senario politik Kelantan adalah berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia kerana rakyat negeri ini dikatakan sangat gemar menghadiri ceramah politik (Berita Harian, 17 Februari 1999). Bersesuaian dengan kecenderungan tersebut, Pas telah mengambil peluang untuk meraih sokongan dengan mengadakan ceramah politik hampir di seluruh kawasan DUN dan Parlimen. Selain dari ceramah, Pas telah mengadakan majlis tazkirah dan usrah di kalangan para pemimpinnya di semua peringkat.

### Isu-Isu Utama

Dalam setiap pilihanraya isu-isu yang sentiasa diutarakan ialah perkara-perkara yang berkait dengan infrastruktur, pendidikan, ekonomi, politik, agama dan keselamatan yang dijangkakan dapat mempengaruhi para pengundi. Rajah 10 menunjukkan persetujuan responden mengenai pengaruh isu-isu penting dalam pengundian.




Selain dari isu infrastruktur (30%) dan agama (25%) (lihat rajah 10), isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mempengaruhi para pengundi. Ia telah dieksploitasi secara maksimum oleh parti-parti lawan dalam mengkritik kerajaan. Dalam kebanyakan ceramah-ceramah yang diadakan oleh Pas dan Keadilan, yang mendapat sambutan yang sangat baik dari masyarakat dan kes bekas TPM telah ditonjolkan bagi menarik sokongan dan simpati dari masyarakat. Rajah 11 menunjukkan persetujuan para pengundi iaitu 37% bersetuju, 22.4% tidak pasti, manakala 10.4% sangat bersetuju mengenai sejauh manakah isu ini mempengaruhi pengundian di kalangan mereka.



### Tren Pengundian

Kajian ini menunjukkan bahawa golongan muda lebih banyak menyumbang kepada pilihanraya 1999. Ia menunjukkan bahawa kumpulan ini mempunyai kesedaran untuk turut serta sebagai pengundi dan mencorakkan politik negara. Indikator ini juga boleh dikaitkan dengan semangat dan aspirasi politik yang agak signifikan dalam jiwa belia-belia Melayu umumnya. Rajah 12 menunjukkan bahawa kadar pengundi baru pertama kali mengundi yang agak besar iaitu sebanyak 15% sedikit sebanyak mampu mencorakkan perubahan dalam politik negara. Banyak pihak yang mendakwa bahawa tren ini didorong oleh faktor kes bekas TPM



### Kesimpulan

Secara umumnya partisipasi masyarakat Kelantan dalam pilihanraya 1999 adalah besar. Namun penglibatan mereka adalah secara pasif sahaja. Dari segi pencapaian parti pula, kejayaan Pas mengekalkan kuasa di Kelantan bukanlah merupakan suatu perkara yang luar biasa memandangkan parti itu merupakan parti yang memerintah. Namun demikian, kegagalan BN untuk menambah bilangan kerusi merupakan suatu perkara yang agak mengejutkan. Beberapa faktor yang saling berkaitan boleh menjadi bahan analisis keputusan pilihanraya kali ini.

Pertama ialah budaya setempat merupakan faktor yang sangat signifikan yang menjadi penentu kepada kecenderungan pemilihan parti di kalangan masyarakat negeri. Alam sosial di negeri itu sangat mempengaruhi pemikiran dan tindak-tanduk pengundi terutama di kalangan pengundi veteran. Keduanya ialah isu bekas TPM telah mencetuskan *acute circumstances* yang menyukarkan usaha BN menyakinkan pengundi terhadap kerajaan. Isu ini telah menjadi modal utama Pas dan Keadilan dalam menambahkan sokongan pengundi terhadap mereka. Ketiga, dalam pada Umno dilanda oleh krisis kepercayaan di kalangan pengundi, Pas telah mendapat kelebihan berikutan dengan penghijrahan ramai tokoh-tokoh tanah air yang selama ini merupakan penyokong kerajaan samada secara

senyap mahu pun secara terbuka. Malah terdapat di kalangan mereka telah secara langsung memilih untuk bercalon bagi pihak Pas ataupun Keadilan. Senario ini menunjukkan bahawa kekuatan Pas itu sebenarnya terserlah di antara kelemahan-kelemahan Umno. Keempat di samping krisis-krisis dalaman yang berlaku dalam Umno, parti ini kehilangan semangat kesukarelaan di kalangan para penggerakannya. Natiyahnya ia telah membentuk satu “mentaliti ganjaran” di kalangan para penyokong Umno. Fenomena ini merupakan satu eleman yang cukup merbahaya bagi *survival* Umno yang akhirnya akan menjadi senjata yang menikam parti itu sendiri.

### **Cadangan-Cadangan**

Kelantan merupakan antara negeri yang paling kontroversi dari segi percaturan politik di negara ini. Penentu kepada kejayaan parti-parti yang bertanding agak kompleks dan saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam kajian pilihanraya akan datang tumpuan perlu diberikan kepada aspek-aspek berikut:

1. “World view” masyarakat Kelantan mengenai politik.
2. Minat dan kecenderungan politik para pengundi muda.
3. Penglibatan dan peranan wanita Kelantan dalam politik.

## Rujukan

**Berita Harian**, 1999, 17 Februari.

B.A.R. Mokhzani, 1974, "The Malay Family and Religion" dalam **East Asian Cultural Studies**, Vol. XIII, March, The Centre for East Asian Cultural Studies, Tokyo.

Blondel, J., 1963, **Voters, Parties, and the Leader The Social Fabric of British Politics**, Penguin Books Ltd., Harmondsworth, Middlesex, USA.

Catt, H., 1991, What Do Voters Decides?, dalam **Political Science**, Vol. 43, No. 2, December.

Che Su Mustafa dan Rohana Yusof, 1995, "Penglibatan Wanita Melayu Luar Bandar di Negeri Kedah Dalam Arena Politik" (Laporan Penyelidikan), Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Conway, M.M., 1965, **Political Participation in United States**, C.Q., Press, New York.

Downing, Keith M., 1991, **Rational Choice and Political Power**, Edward Elgar Publishing Company, Brookfield.

Downs, A., 1965, **An Economic Theory of Democracy**, Harper and Row, New York.

Goldthorpe, J.H., and Lockwood, D., 1968, **The Affluent Worker: Industrial Attitudes and Behaviour**, Cambridge University Press, Cambridge.

Hasan Harun, 1999, **Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan**, DD Media consult Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Ismail Yusoff, 2000, "Nik Aziz Pemikiran Islam dan Penglibatan Politik", dalam **Jurnal Pemikir**, Oktober-Disember.

Kassler, C.S., 1970, "Muslim Identity & Political Behaviour in Kelantan", dalam Roff, W.R., **Kelantan: Religion, Society & Politics in Malay State**, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Kavanagh, D., 1999, **Political Science and Political Behaviour**, George Allen & Unwin, Boston.

**Media CBS**, 1999, November.

Milbrath, L.W., 1965, **Political Participation**, Rand McNally, Chicago.

Riley, M., 1988, **Power, Politics and Voting Behaviour: An Introduction to the Sociology of Politics**, Harvester Wheatsheaf, New York.

Syed Arabi Idid dan Safar Hasim, 1993, **Pilihanraya Umum Satu Perspektif Politik**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Verba, S., 1965, "Comparative Political Culture" dalam Lucian Pye and Sidney Verba, (eds.), **Political Culture and Political Development**, Princeton University Press, Princeton.

Zuckermen, A.S., 1991, **Doing Political Science: An Introduction to Political Analysis**, Westview Press, Boulder.